

**TEKS UCAPAN  
TUAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN PROJEK PENGURUSAN SISA ORGANIK  
CCAC / BANK DUNIA DI TAMAN PANDAN, BUTTERWORTH  
PADA 18 JANUARI 2014 (SABTU)  
JAM 8:00 MALAM**

---

**Yang Berhormat Tuan Phee Booh Poh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**

Setiausaha Perbandaran, MPSP

**Yang Berusaha Encik Tan Ah Kuang**

Naib Pengerusi Perbadanan Pengurusan Pangsgupri Taman Pandan

Ketua - ketua Jabatan

Penduduk-penduduk Pangsgupri Taman Pandan

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh dan salam sejahtera,

Bersyukur saya kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah perkenan serta izinnya, kita semua dapat berkumpul di Pangsapuri Taman Pandan, Butterworth untuk Majlis Perasmian Projek Pengurusan Sisa Organik CCAC / Bank Dunia.

Hadirin Hadirat sekalian,

Pada Ahad yang lepas, iaitu pada 12hb yang lalu, saya telah merasmikan program yang serupa di Park View, Butterworth. Pemilihan Pangsapuri Taman Pandan, Butterworth untuk terlibat dalam projek bersama *Climate and Clean Air Coalition (CACC)* / Bank Dunia adalah kerana Taman Pandan memang aktif dalam program seperti pengkomposan, kitar semula dan lain - lain.

Untuk makluman semua,

Terdapat tiga bandaraya di Asia yang dipilih bagi projek percubaan ini iaitu Dhaka, Bangladesh, Hanoi, Vietnam dan juga Pulau Pinang. Di Seberang Perai, tiga lokasi yang dipilih adalah Park View, Pangsapuri Taman Pandan dan Pangsa PPR Ampangan.

Projek ini adalah bertujuan untuk membuat kajian untuk mengkaji amalan baik pengurusan sisa pepejal terutama sisa organik. Hasil kajian di ketiga - tiga lokasi yang dipilih ini akan dijadikan panduan penyediaan dasar, teknologi, kewangan dan penyertaan pihak swasta dalam program - program berkenaan dengan sisa. Hasil kajian ini akan dibentangkan di dalam satu seminar yang akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Apabila telah dibentangkan, kita akan mendapat ciri - ciri profail yang diperlukan. Data - data ini dapat membantu Kerajaan Negeri untuk menggubal polisi “*Segregation At Source*”.

Untuk makluman semua,

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memaklumkan bahawa akan wujud satu sub - committee yang diketuai oleh YB. Tuan Teh Yee Chew untuk mengkaji dan menjalankan kajian - kajian tertentu untuk menggubal dasar dan mewujudkan satu undang - undang kecil baru mengenai pengurusan sisa pepejal dan “*Segregation At Source*” yang akan digunakan oleh MPPP dan MPSP. Segala best practices yang diamalkan oleh komuniti - komuniti dan business model ini akan menjadi sumber untuk kajian ini.

Saya dimaklumkan oleh En. Chew Eng Seng bahawa Pangsapuri Taman Pandan telah mula menjalankan aktiviti mengumpul barang kitar semula sejak tahun 2002 lagi. Dalam tempoh 12 tahun ini, sebanyak 218,750kg barang kitar semula berjaya dikutip. Jumlah jualan daripada barang kitar semula tersebut adalah sebanyak RM 48,161.00. Manakala pada tahun 2006, pengkomposan sisa organik mula dijalankan di Taman Pandan dengan kutipan purata sebanyak 1 tan setiap bulan. Selain itu, kebun kejiranan dan tadahan air hujan juga dijalankan atas usaha Puan Loh Poh Chen.

Jika kajian yang dijalankan di ketiga - tiga lokasi ini berjaya, ia akan banyak membantu MPSP memandangkan Majlis membelanjakan RM 8,639,665.44 sepanjang tahun 2013 untuk menguruskan 427,706.21 tan sampah di Tapak Pelupusan Pulau Burung. Kos perbelanjaan ini masih belum termasuk gaji pekerja, kos penyelenggaraan dan pemberian kenderaan, petrol dan lain - lain. Jika kita dapat menjalankan kitar semula, pengkomposan, ia dapat mengurangkan banyak sampah yang dihantar ke tapak pelupusan.

Pangsapuri Taman Pandan mempunyai 3 blok dengan bilangan unit 357. Purata sampah yang dipungut oleh MPSP ialah 352 Kg/hari iaitu 0.985 kg seisi rumah. Angka ini lebih rendah berbanding dengan lain -

lain kawasan itu lebih 1.10kg seisi rumah. Oleh itu, saya percaya program ini dapat dijalankan dengan lebih baik lagi di sini dan saya berharap agar komuniti di sini dapat menjadi contoh kepada komuniti yang lain di luar sana.

Akhir kata, bagi memastikan projek ini dapat berjalan dengan jayanya, saya menyeru kepada Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Taman Pandan dan penduduk Pangsapuri Taman Pandan agar memberi kerjasama membantu dalam kerja menimbang sisa organik yang dikeluarkan. Semua yang ditimbangkan harus direkodkan bagi tujuan pengauditan kerana Pegawai Bank Dunia akan membuat lawatan pada bulan Mac 2014.

Sekian, terima kasih.